

26/01/1999

Desakan kaji semula tol terus meningkat

KUALA LUMPUR, Isnin -Rayuan dan desakan supaya kerajaan mengkaji semula keputusan membenarkan kenaikan kadar tol empat lebuhraya lama serta meluluskan kadar tol lebuhraya baru yang disifatkan agak keterlaluan terus meningkat.

Penyokong kerajaan serta pihak pembangkang masing-masing mencadangkan penyelesaian alternatif serta bantahan ketika kerajaan membayangkan kemungkinan mengubah keputusan yang sudah dipersetujui sebelum ini.

Kelab Penyokong-Penyokong Kerajaan (BBC) meminta kerajaan mengambil kira secara serius kedudukan ekonomi negara serta pandangan semua pihak dalam membuat keputusan mengenai kenaikan kadar tol lebuhraya.

Pengerusinya, Ruhanie Ahmad, berkata dalam masa yang sama BBC berharap rakyat dan sektor ekonomi terbabit supaya bertenang.

Katanya, BBC tidak mahu ada mana-mana pihak yang cuba mengeksploitasikan isu ini sehingga menjejaskan ketenteraman awam dan melemahkan usaha kerajaan menangani kegawatan ekonomi.

"BBC yakin kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mampu menyelesaikan masalah itu secara bijaksana, saksama dan penuh simpati serta keprihatinan mendalam terhadap semua sektor ekonomi dan rakyat," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Semalam, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kadar tol berkenaan akan dikaji semula jika Kabinet mengeluarkan arahan berbuat demikian.

Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Parti Gerakan) yang turut mengalu-alukan kenyataan Samy Vellu itu, menggesa kerajaan mencari kaedah penyelesaian lain.

Timbalan Setiausaha Agungnya, Dr Tan Kee Kwong, berkata kerajaan patut mempertimbangkan penggunaan dana awam seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk membeli sebahagian daripada lebuhraya itu.

Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) dalam kenyataannya petang ini berkata sudah menghantar 2,000 tanda tangan penduduk Bandar Sri Damansara sebelum ini kepada Samy Vellu, hari ini.

PPP juga akan mengutip tanda tangan seminggu lagi di Pasaraya Grand Union, Jalan Margosa, Bandar Sri Damansara dari jam 7 malam hingga 10 malam.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang juga mendesak kerajaan mengumumkan semua perjanjian konsesi lebuhraya kerana ia bukan saja membabitkan kerajaan tetapi rakyat yang terpaksa menanggung bayaran tol yang membebankan.

(END)